



UNTUK SIARAN SEGERA

AIRASIA X "ALOHA" HAWAII!

*Terbang dari Kuala Lumpur ke Honolulu serendah RM499**

OSAKA, 10 Februari 2017 – AirAsia X terus di hadapan dengan pelancaran laluan ke Hawaii hari ini, perkhidmatan sulung syarikat penerbangan itu ke Amerika Syarikat.

Peneraju syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh tersebut akan memulakan operasi empat kali seminggu dari Kuala Lumpur, Malaysia ke Honolulu, Hawaii melalui Osaka, Jepun bermula pada 28 Jun 2017.

Bagi meraikan pelancaran destinasi terbaru tersebut, AirAsia X akan menawarkan tambang serendah **RM499*** dari **11 Februari hingga 26 Februari 2017 bagi perjalanan dari 28 Jun 2017 hingga 6 Februari 2018**. Tempat duduk Premium Flatbed yang memenangi pelbagai anugerah juga turut ditawarkan bermula dari serendah **RM2,999*** bagi sepanjang tempoh promosi tersebut bagi tetamu yang inginkan perjalanan yang lebih selesa.

Dapatkan tawaran istimewa ini di airasia.com. Tawaran tidak tersedia pada aplikasi mudah alih AirAsia.

Datuk Kamarudin Meranun, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia X berkata, "Ini adalah suatu perubahan destinasi yang kami nantikan. Dengan menghubungkan rantau Asean dan Asia Utara ke Amerika Syarikat dengan tawaran tambang rendah terbaik dunia, kami kini mampu merealisasikan impian mereka yang sebelum ini ingin melancong merentas Pasifik."

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkuasa yang berkaitan dan juga pihak kerajaan atas sokongan mereka. Keyakinan mereka telah membolehkan kami melancarkan destinasi terbaru yang unik ini hari ini. Kami akan terus bekerjasama dengan semua pihak untuk memastikan kami dapat menghubungkan lebih ramai tetamu menerusi laluan antara benua ini."

Turut hadir pada majlis pelancaran pada hari ini ialah **Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X Berhad Benjamin Ismail, Wakil Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Bersama Kansai Airports Emmanuel Menanteau, Naib Presiden Pelancongan Hawaii di Jepun Mitsue Varley dan penyandang Miss Hawaii, Allison Chu**.

Penumpang ke Honolulu yang akan transit di Osaka tidak memerlukan visa bagi memasuki Jepun untuk sepanjang dua jam persinggahan dan boleh kembali ke tempat duduk masing-masing di dalam pesawat setelah pihak sekuriti menjalankan pemeriksaan bagasi atau barangan.

Penumpang juga boleh menggunakan servis AirAsia Fly-Thru untuk berhubung dengan mudah ke Honolulu dari bandar lain dalam rangkaian penerbangan luas AirAsia dan AirAsia X dengan hanya satu hentian tambahan.

Hawaii, yang digelar sebagai syurga Pasifik, dibentuk daripada lapan pulau yang terletak di tengah-tengah Lautan Pasifik. Terkenal dengan keindahan alam semula jadi yang menakjubkan dan budaya asli yang unik, syurga tropika adalah satu-satunya negeri AS yang terletak di Oceania. Honolulu,



merupakan ibu kota yang berada di pulau yang berpenduduk tertinggi iaitu pulau O'ahu di mana pantai Wakiki terletak, pantai indah ini dahulu merupakan kawasan percutian buat raja dan permaisuri Hawaii.

Dapatkan informasi AirAsia mengenai promosi terkini dan aktiviti melalui Facebook (facebook.com/AirAsia) dan Twitter (twitter.com/AirAsia).

***Tambang termasuk semua cukai dan yuran. Tertakluk kepada terma dan syarat. Tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa Negara Jepun.**

Jadual Penerbangan bagi Kuala Lumpur, Malaysia (KUL) ke Honolulu, Hawaii (HNL) melalui Osaka, Jepun (KIX)

No. Penerbangan	Dari	Ke	Perlepasan	Ketibaan	Jadual Penerbangan
D7 001	KUL	KIX	1400 hrs	2125 hrs	Isnin, Rabu, Jumaat, Sabtu
D7 001	KIX	HNL	2325 hrs	1230 hrs	Isnin, Rabu, Jumaat, Sabtu
D7 002	HNL	KIX	1600 hrs	2025 hrs	Isnin, Rabu, Jumaat, Sabtu
D7 002	KIX	KUL	2200 hrs	0400 hrs	Selasa, Khamis, Sabtu, Ahad

Nota: Semua masa yang disenaraikan adalah waktu tempatan melainkan jika ia dinyatakan sebaliknya.

TAMAT

Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 22 destinasi di serata rantau Asia Pasifik. AirAsia X terbang ke 22 destinasi di seluruh Asia, Australia, New Zealand dan Timur tengah. AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan konfigurasi 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Kumpulan ini telah membawa lebih 19 juta tetamu sejak penubuhan servis jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktiraf dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi empat tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2016.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Eugene Siew

Communications

Mobile: +6016 653 8221

siewhonleong@airasia.com